

# Peniaga haram main sorok-sorok

Aksi licik pendatang asing sukarkan pegawai penguat kuasa DBKL bertindak

Oleh Zulhimi Hat  
Nirnighbarian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Jika ke tempat tumpuan ramai seperti Jalan Masjid India untuk membeli-belah, anda pasti melihat kumpulan kecil peniaga duduk di sisi kaki lima serta sibuk menjerit menjual barangan mereka.

Kadangkala anda berpeluang melihat 'aksi' mereka lari lintang pukang seperti di kejar anjing apabila menyedari kehadiran pihak berkuasa untuk menahan mereka kerana berniaga secara haram.

Senario 'main sorok-sorok' ini sering dilihat pada cuti hujung minggu apabila pihak berkuasa melakukan tinjauan dan membanteras peniaga haram. Tujuannya untuk mengekang peniaga haram yang bertambah dari semasa ke semasa.

Pelbagai langkah penguatkuasaan dilakukan, namun mereka tidak serik dan semakin berani berniaga sekitar ibu negara yang dikenali sebagai lubuk emas oleh peniaga tempatan.

Tinjauan sekitar Jalan Masjid India dan Jalan Chow Kit mendapati mereka seperti sudah sehati berniaga di situ.



GELAGAT peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang tak takut pegawai penguat kuasa PBT.

Hanya berbekalkan bakul, papan lapis dan sekaki payung, mereka mampu meraih jualan ratusan ringgit sehari.

Jarak kedudukan kira-kira 30 meter sesama rakan niaga yang terdiri wanita warga Indonesia dan lelaki Myanmar dilihat bertambah selepas waktu makan

tengah hari dan cuti hujung minggu.

Barang yang dijual seperti mainan kanak-kanak, buah-buahan, ubat-ubatan tradisional dan pakaian.

Modus operandi perniagaan mereka dengan berjalan kaki dari satu tempat ke tempat membawa barangan yang dijinjing atas kepala atau digalas atas bahu serta duduk di kaki lima pasar raya atau kedai serbaneka tidak memerlukan banyak modal.

Namun, harga yang sangat murah menjekaskan peniaga tempatan yang sudah berniaga bertahun-tahun di kawasan berkenaan walaupun kualitinya teramat rendah.

Peniaga aksesori, Abdul Rahim Hamzah, 50, berkata peniaga warga asing bijak memperagakan barangan mereka selain menjaja di kawasan strategik untuk menarik perhatian pelanggan.

"Modus operandi mereka mudah, menjual barangan ringan yang mampu dibawa dan hanya duduk di kaki lima depan pasar raya yang menjadi tumpuan keluar masuk pengunjung.

Mereka bukan berseorangan, malah ramai rakan berada berhampiran dan menjual barangan berlainan untuk mengelakkan persaingan," katanya.

Reliau berkata, jika berurusan, peniaga kecil seperti ini akan terjejas apabila pelanggan merosot.



PENIAGA warga asing lari apabila gambar dirakam di sekitar Jalan Silang.

"Peniaga lain mengeluh mengenai kebanjiran peniaga asing ini. Pihak berkuasa perlu berbuat sesuatu untuk mengatasi masalah ini," katanya.

**“Mereka bukan berseorangan, ramai rakan berada berhampiran dan menjual barangan berlainan untuk mengelakkan persaingan”**

**Abdul Rahim Hamzah**  
Peniaga aksesori

tanya yang sudah berniaga hampir lapan tahun di situ.

Seorang anggota penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang enggan dikenali berkata, sudah berpuluh kali mereka menangkap peniaga haram sekitar Jalan Masjid India dan Chow Kit.

"Tangkap mereka umpama menangkap belut. Hari ini ditangkap esok dan lusa mereka berniaga semula seperti biasa.

"Tetapi sejak kebelakangan ini selepas penambahan anggota, kegiatan ini berkurangan walaupun masih ada yang terlepas dan main sorok-sorok," katanya.